

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

SPM 2022

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

Perhatikan halaman sebelah

- 1 Kesultanan Melayu Melaka menjadi kerajaan Melayu yang terkenal kerana
 - I dinaungi kerajaan berhampiran
 - II pemerintah mempunyai wawasan
 - III berada di laluan yang strategik
 - IV mendapat bantuan dari luar
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 2 Apakah tugas Bendahara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Mengetuai pentadbiran
 - B Menguruskan kewangan
 - C Menjaga keselamatan kota
 - D Mengutip cukai perdagangan

- 3 Mengapakah gerakan nasionalisme di China menentang pemerintahan Dinasti Manchu?
 - A Gagal menghalang kemasukan Barat
 - B Rakyat dibebani cukai yang tinggi
 - C Menentang golongan Mandarin
 - D Fahaman komunis berkembang

- 4 Pasangan pernyataan yang manakah betul tentang tujuan gerakan nasionalisme di Thailand dengan gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara?

| | Gerakan Nasionalisme di Thailand | Gerakan Nasionalisme di Negara Lain di Asia Tenggara |
|----------|---|---|
| A | Menentang kuasa asing | Menentang sistem beraja |
| B | Menentang raja berkuasa mutlak | Menentang penjajahan oleh kuasa asing |
| C | Mengembalikan kuasa bangsawan | Mengembalikan kuasa golongan agama |
| D | Membela nasib kaum imigran | Mengurangkan bilangan kaum imigran |

- 5 Mengapakah gerakan nasionalisme muncul di negara kita?
 - A Kemunculan golongan intelek
 - B Kegiatan ekonomi pelbagai
 - C Galakan daripada kerajaan
 - D Bantuan negara luar

- 6 Revolusi Perancis berlaku pada tahun 1789. Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Perancis?
 - A Kedudukan bangsawan kukuh
 - B Sistem republik dilaksanakan
 - C Kuasa parlimen terganggu
 - D Wilayah kecil merdeka

- 7 Persidangan Damai Paris telah menghasilkan Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson. Apakah perkara yang terkandung dalam deklarasi tersebut?
 - A Sempadan negara ditentukan berasaskan bangsa
 - B Rakyat disatukan berdasarkan agama
 - C Amalan realpolitik diharamkan
 - D Sistem monarki dipulihkan

- 8 Bagi menangani kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu, Jepun telah memperkenalkan
 - I Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
 - II Rancangan Pengeluaran Lima Tahun
 - III Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda
 - IV Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan sejarah Sistem Persekutuan di Malaysia.

- Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896
 - Malayan Union 1946
 - Persekutuan Tanah Melayu 1948

 Apakah persamaan yang terkandung dalam sistem tersebut?
 - A Raja berkuasa mutlak
 - B Penyatuan beberapa negeri
 - C Pengukuhan undang-undang adat
 - D Majlis Perundangan Persekutuan dibubarkan

10 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap Tanah Melayu?

- A Komposisi kaum seimbang
- B Kuasa kerajaan negeri kurang
- C Berpeluang berkerajaan sendiri
- D Undang-undang tradisional mansuh

11 Perkara yang manakah terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Syarat kewarganegaraan
- B Kemerdekaan tanah air
- C Pendidikan vernakular
- D Pilihan raya umum

12 Di bawah Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan pada tahun 1948, kerajaan berkuasa

- I menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan pergerakan komunis
 - II menghantar pulang kaum imigran bagi mengelakkan sifat perkauman
 - III mempelbagaikan tanaman makanan untuk menjamin makanan mencukupi
 - IV mengenakan hukuman mati terhadap sesiapa yang membawa senjata api
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

13 Parti Komunis Malaya ditubuhkan pada 30 April 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Apakah matlamat perjuangan komunis di Tanah Melayu?

- A Mengusir semua penjajah
- B Menyatukan pelbagai kaum
- C Menentang konsep Melayu Raya
- D Menubuhkan sebuah negara republik

14 Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951.

Sejauh manakah sistem tersebut menepati matlamat British untuk mematuhi proses dekolonisasi?

- A Pemerintahan bebas daripada kawalan kerajaan pusat
- B Pemimpin tempatan merangka dasar kerajaan
- C Pengiktirafan terhadap pemerintahan beraja
- D Penduduk tempatan diberi peluang mentadbir

15 Maklumat berikut berkaitan dengan tugas Ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951.

- Memegang satu portfolio
- Mencadangkan undang-undang

Mengapakah tugas tersebut ditetapkan pada setiap Ahli?

- A Menggalakkan kemasukan pelabur
- B Menjimatkan perbelanjaan kerajaan
- C Menyediakan langkah berkerajaan sendiri
- D Mengekalkan sistem pentadbiran tradisional

16 Mengapakah pilihan raya dilaksanakan?

- A Menggalakkan penubuhan parti politik
- B Membentuk kerajaan yang mantap
- C Menjimatkan perbelanjaan negara
- D Meneruskan warisan bangsa

17 Pilihan Raya Umum pertama di Tanah Melayu diadakan pada tahun 1955 bertujuan untuk

- I mengawal pemberian kerakyatan kepada orang asing
 - II memperkukuh kerjasama rakyat dalam politik
 - III mempercepat proses kemerdekaan tanah air
 - IV menghalang kemasukan kaum imigran
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

18 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

19 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid).

- Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- Mewujudkan rupa bangsa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
- X

- Apakah X?
- A Menentukan sempadan negeri
 B Menggubal syarat kerakyatan
 C Merangka perlembagaan negara
 D Mencadangkan tarikh pilihan raya
- 20 Konsep kedaulatan tradisional merujuk kepada
 A raja memiliki kuasa tertinggi dalam pentadbiran
 B pengiktirafan badan antarabangsa terhadap negara
 C perkongsian kuasa antara badan-badan pemerintah
 D rakyat berhak menentukan hala tuju pentadbiran negara
- 21 Apakah ciri negara yang berdaulat?
 I Kerajaan yang sistematik
 II Sempadan yang jelas
 III Rakyat berbilang kaum
 IV Mendapat naungan kerajaan asing
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 22 Mengapakah Perlembagaan penting terhadap sesebuah negara?
 A Mengekalkan kuasa penuh kerajaan negeri
 B Memberi kebebasan penuh kepada rakyat
 C Mengekalkan kuasa mutlak raja-raja
 D Menetapkan hala tuju pemerintahan negara
- 23 Mengapakah pindaan perlembagaan negara dilakukan pada tahun 1965?
 A Singapura berpisah daripada Malaysia
 B Hak autonomi Sarawak dan Sabah
 C Pengisytiharan bahasa kebangsaan
 D Pengasingan kuasa pemerintahan
- 24 British telah memperkenalkan *Charter of Justice* di Negeri-Negeri Selat pada abad ke-19. Mengapakah British memperkenalkan *Charter of Justice* tersebut?
 A Mempelbagai kegiatan ekonomi
 B Membendung keganasan komunis
 C Menghalang campur tangan kuasa asing
 D Mengelakkan penindasan terhadap penduduk

- 25 Rajah berikut berkaitan dengan komponen Parlimen Malaysia.



Sumber : parlimen.gov.my

- Apakah X?
- A Dewan Negara
 B Jemaah Menteri
 C Raja-Raja Melayu
 D Badan Kehakiman
- 26 Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Apakah hak rakyat dalam sistem tersebut?
 A Melantik Yang di-Pertuan Agong
 B Mengamalkan gaya hidup bebas
 C Memiliki dua kewarganegaraan
 D Memilih pemimpin negara
- 27 Berikut adalah kerajaan tempatan di negara kita.
- Majlis Bandaraya
 - Majlis Daerah
 - Majlis Perbandaran
- Fungsi kerajaan tempatan tersebut ialah
 A memberi bantuan kewangan
 B membina kemudahan awam
 C mengawal sempadan negeri
 D membina rumah ibadat
- 28 Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa dalam Senarai Bersama?
 I Kewangan
 II Kerakyatan
 III Kebajikan awam
 IV Kerajaan tempatan
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

29 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berusaha untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah kediaman. Bagaimanakah kedua-dua kerajaan mencapai matlamat tersebut?

- A Menyekat pembinaan rumah-rumah mewah
- B Memperbanyak pembinaan rumah mampu milik
- C Menyediakan pinjaman perumahan tanpa faedah
- D Melarang warga asing membeli rumah di Malaysia

30 Berikut adalah tokoh Melayu yang mencadangkan idea penggabungan wilayah sejak sebelum Perang Dunia Kedua.

- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ibrahim Haji Yaakob
- Ahmad Boestamam

Mereka mencadangkan supaya Tanah Melayu digabungkan dengan

- A Sabah
- B Sarawak
- C Indonesia
- D Thailand

31 Pegawai British berikut mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

- Lord Brassey
- Malcolm MacDonald
- Geofroy Tory

Mengapakah mereka mencadangkan pembentukan Malaysia?

- I Meredakan tekanan
 - II Memperkukuh kuasa
 - III Memanfaatkan potensi ekonomi
 - IV Memperkasa keselamatan wilayah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Mengapakah Singapura berpisah daripada Malaysia?

- A Ancaman daripada parti komunis
- B Enggan mematuhi dasar kerajaan
- C Menentang pilihan raya negeri
- D Bantahan oleh Majlis Negeri

33 Dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh penjajah mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum, wilayah dan kawasan di negara kita.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- A Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
- B Membentuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- C Memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama
- D Melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

34 Perkara berikut berkaitan dengan cadangan aktiviti kokurikulum dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

- Kegiatan persatuan
- Unit beruniform
- Sukan dan permainan

Mengapakah aktiviti kokurikulum diberi tumpuan?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Melahirkan atlet bertaraf dunia
- C Mempelbagai aliran persekolahan
- D Meningkatkan kemahiran teknologi

35 Gambar berikut berkaitan dengan perkhidmatan Feri Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 1986.



Sumber: infomalaysiatrending.com

Mengapakah perkhidmatan tersebut diperkenalkan?

- A Memperkasa aktiviti perdagangan
- B Meningkatkan keselamatan negara
- C Menggiatkan penerokaan sumber asli
- D Meningkatkan integrasi antara wilayah

36 Maklumat berikut berkaitan dengan polarisasi kaum di Tanah Melayu pada zaman British.

| Kaum | Kegiatan Ekonomi | Petempatan |
|--------|-----------------------------|----------------------|
| Melayu | Pertanian | Kampung/desa |
| Cina | Perlombongan/ perniagaan | Bandar |
| India | Perladangan | Estet/Kawasan ladang |

Apakah kesan polarisasi tersebut?

- A Perpaduan rakyat lemah
 - B Taraf hidup meningkat
 - C Identiti bangsa luntur
 - D Pentadbiran seragam
- 37 Dasar Ekonomi Baru bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Bagaimanakah cara untuk mencapai tujuan tersebut?
- A Membuka kampung-kampung baharu
 - B Melaksanakan pembangunan wilayah
 - C Mengurangkan kemasukan imigran
 - D Mengurangkan saham milik asing

38 Malaysia menjalin hubungan serantau dengan beberapa buah negara.

Apakah kesan hubungan serantau tersebut?

- A Kemasukan imigran bertambah
- B Hasil bumi dikongsi bersama
- C Kedaulatan negara terjamin
- D Wilayah pentadbiran meluas

39 Semasa Tunku Abdul Rahman menjawat jawatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu beliau mengamalkan dasar luar

- A tidak memihak kepada mana-mana kuasa
- B berbaik-baik dengan semua negara
- C mengutamakan negara serantau
- D probarat dan antikomunis

40 Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Langkawi mulai tahun 1991.

Apakah tujuan anugerah tersebut diperkenalkan?

- A Menghargai sumbangan dalam bidang keamanan
- B Menghargai sumbangan dalam bidang alam sekitar
- C Menggalakkan penglibatan dalam bidang teknologi
- D Mengiktiraf penglibatan dalam bidang kemanusiaan

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NO. PENGENALAN DIRI

| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

ANGKA GILIRAN

| | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

SEJARAH

1249/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

B. CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

A MASALAH PEMBELAJARAN

B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)

C KURANG UPAYA PELBAGAI

D KURANG UPAYA PERTUTURAN

F KURANG UPAYA FIZIKAL

P KURANG UPAYA PENDENGARAN

R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

C. BAGI CALON KES KHAS HITAMKAN RUANG BERKENAAN

MENUMPANG TERCICIR

BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | | |
|--|--|--|--|--|

D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN ATAU PERALATAN TAMBAHAN

JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS

GURU PENDAMPING KOMPUTER

E. BAGI CALON TIDAK HADIR HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI

TIDAK HADIR

| | |
|---------------------------------|-------------|
| NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN | TANDATANGAN |
|---------------------------------|-------------|

Tampal pelekat di sini

SPM 2022

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 (a) Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Apakah kesan tindakan British dan Vyner Brooke tersebut?
Jelaskan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 (a) Jelaskan maksud merdeka.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan **dua** perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada bulan Januari hingga bulan Februari tahun 1956.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Masyarakat yang merdeka juga perlu sentiasa menghayati erti pengorbanan dalam kehidupan untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk penjajahan baharu.

Sumber ubah suai: hmetro.com.my

Huraikan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

SPM 2022

3 Di Malaysia, konsep pengasingan kuasa dilaksanakan secara fungsian.

Sumber: bharian.com.my 13 September 2021

(a) Jelaskan fungsi badan pemerintahan berikut:

(i) Badan Perundangan (Legislatif).

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Badan Eksekutif (Jemaah Menteri).

.....
.....
.....

[2 markah]

(iii) Badan Kehakiman.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah konsep pengasingan kuasa penting?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Bidang sukan dilihat masih mampu menjadi landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum.

Sumber: sinarharian.com.my, 4 Disember 2019

(a) Nyatakan **dua** sukan yang terdapat di Malaysia untuk memupuk perpaduan kaum.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah sukan dapat memupuk perpaduan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Beri cadangan anda untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan kaum di negara kita selain melalui sukan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

SPM 2022

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 53 hingga halaman 56**.

5 Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai sistem pentadbiran yang sistematik sebelum kedatangan Barat.

(a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [6 markah]

(b) Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan. Terangkan sistem pentadbiran tersebut. [6 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Warisan dan budaya tanah air adalah khazanah tidak ternilai yang mesti dilindungi dan dipelihara, supaya terus menjadi kebanggaan semua. Ia bakal menjadi tatapan generasi seterusnya, kerana tamadun serta aspek sejarah yang lampau amat penting dalam pembentukan identiti bangsa dan negara.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 markah]

6 (a) Terangkan faktor Jepun menakluki Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. [6 markah]

(b) Bagaimanakah dasar pentadbiran Jepun di negara kita? [6 markah]

(c) Impak (kesan) pendudukan Jepun di negara kita ialah hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan.

Sumber: <https://www.ukessays.com>, *Major Effects Japanese Occupation Malaya History Essay*.

Huraikan kesan tersebut terhadap negara. [8 markah]

7 (a) Jelaskan asas pembentukan Perlembagaan di negara kita seperti berikut:

- (i) Undang-undang Negeri Melayu [3 markah]
(ii) Undang-undang Inggeris [3 markah]

(b) Terangkan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan. [6 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Penghayatan terhadap Perlembagaan akan mengurangkan jurang konflik yang sering kali dibangkitkan masyarakat, khususnya membabitkan isu seperti agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Institusi Raja-Raja Melayu.

Keluarga Malaysia wajib mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional dengan semangat kekitaan, prihatin, inklusif, saling menghormati dan bertanggungjawab. Semua ini, demi melahirkan rakyat Malaysia yang membudayakan perpaduan.

Dalam mempergiat program patriotisme, kenegaraan dan nilai murni serta memperkasa modul kenegaraan dalam pendidikan formal dan pendidikan sepanjang hayat, kita juga perlu memasyarakatkan Perlembagaan.

Memasyarakatkan Perlembagaan bererti masyarakat perlu didedahkan dengan Perlembagaan bukan hanya dari aspek perundangan semata-mata, tetapi juga dari sudut sejarah, budaya, agama, politik dan hubungan etnik.

Sumber ubah suai: bhrencana@bh.com.my 21 November 2021

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara jika dilaksanakan. [8 markah]

8 Pada hari ini (9 Ogos 1965), Singapura telah dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia. Singapura menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Sumber: <https://hariinidalamsejarah.com>.

(a) Mengapakah Singapura menyertai Persekutuan Malaysia? [4 markah]

(b) Terangkan faktor pemisahan Singapura. [8 markah]

(c) Pada pendapat anda, bolehkah pemisahan tersebut dielakkan?
Beri hujah anda. [8 markah]

9 Malaysia menjadi anggota banyak pertubuhan antarabangsa.

- (a) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa? [4 markah]
- (b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. [8 markah]
- (c) Baca maklumat berikut.

Malaysia juga dengan lantang bersuara menentang dasar Aparteid di Afrika Selatan yang menyalahgunakan hak asasi manusia. Dasar Aparteid merupakan dasar yang membezakan hak dan kedudukan kaum mengikut warna kulit.

Mengikut dasar ini, orang kulit putih di Afrika Selatan dianggap sebagai golongan istimewa manakala orang kulit hitam dianggap golongan bawahan yang tidak mempunyai sebarang hak dari segi politik.

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama diberi kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing. Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia menyebabkan Malaysia menentang keras dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.

Malaysia turut menyokong sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan, ketika dasar ini dilaksanakan oleh orang kulit putih. Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan sehinggalah dasar itu dihapuskan. Bantahan daripada negara Komanwel terhadap dasar ini menyebabkan akhirnya Afrika Selatan disingkirkan daripada pertubuhan Komanwel.

Sumber ubah suai : <https://m-update.com> 20.2.2019

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda. [8 markah]

Tulis nombor soalan dan ceraiian yang anda jawab dengan jelas.

Area for writing answers, consisting of multiple horizontal dotted lines.

A series of horizontal dotted lines spanning the width of the page, intended for writing or drawing.

